

## BAB 1

### LATARBELAKANG DAN TUJUAN KAJIAN

#### 1.0 Pengenalan

Setiap tahun kerajaan Malaysia menyediakan peruntukan yang amat tinggi bagi bidang pendidikan. Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memberikan pendidikan yang terbaik kepada semua rakyat. Ini adalah kerana kerajaan melihat pendidikan sebagai satu wahana untuk membawa negara ke arah sebuah negara yang maju menjelang millenium akan datang. Pendidikan sekolah rendah dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan tanpa sebarang bayaran perkhidmatan dikenakan. Dilihat dari jumlah peruntukan yang diterima oleh pendidikan, didapati pendidikan terus menerima jumlah peruntukan yang paling besar.

Peruntukan pendidikan bagi tahun 1991, dianggarkan sebanyak RM5,551,520,000 telah diperuntukan bagi pendidikan. Daripada jumlah ini, pendidikan sekolah rendah dan menengah telah menerima sebanyak RM3,692,674,200 atau sejumlah 66.52%. Rancangan Malaysia yang ke lima (1986 – 1990) pula menyaksikan peruntukan sejumlah 16.8% dari peruntukan pendidikan adalah untuk pendidikan sekolah rendah.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan akan mengagihkan wang ini ke sekolah-sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri yang kemudian akan mengagihkannya kepada sekolah-sekolah. Peruntukan agihkan yang telah diagih- kepada sekolah ini menjadi tanggungjawab pengetua/gurubesar atau penolong kanan sekolah bagi dibelanjakan mengikut keperluan sekolah masing-masing.

Para pengetua perlu mentadbirkan kewangan sekolah, mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Buku Panduan Kewangan Sekolah, Arahan Perbendaharaan, surat-surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri. Para pengetua/gurubesar sekolah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam surat-surat arahan tersebut di atas. Tugas dan tanggungjawab pengetua/gurubesar itu telah diuraikan seperti berikut oleh Kementerian Pendidikan.

*"The manager or governors or other persons responsible for the management of an assisted educational institution shall cause to be kept proper accounts and other records in such form as may be required by the Minister to all financial matters pertaining to the assisted educational institution and shall have prepared and submitted for audit not later than 31<sup>st</sup> of March each year a statement of accounts in respect of the financial year immediately preceding."*

*(Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994:1)*

Pernyataan di atas membawa maksud bahawa seseorang pengetua/gurubesar sebagai seorang penyelia, bertanggungjawab terhadap sesuatu pengurusan sesebuah institusi pendidikan yang dibantu. Beliau harus menyimpan akaun yang sempurna dan rekod-rekod lain yang dalam bentuk yang diperlukan oleh pihak Kementerian untuk semua perkara kewangan yang berkaitan.

Penyata akaun tahun kewangan ini harus diserahkan dengan segera dan tidak lewat dari 31 Mac pada setiap tahun. Walaubagaimana pun, mengikut Surat Pekeliling Kewangan Bil. 4/88, pihak sekolah dikehendaki mengemukakan penyata akaun tersebut ke Jabatan Pendidikan Negeri satu bulan lebih awal iaitu pada 28 Februari atau 29 Februari tahun berikutnya. Ini bertujuan untuk membolehkan pelarasan atau pembetulan

dibuat pada penyata akaun tersebut jika didapati perlu. Peraturan yang disebutkan di atas adalah selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Akta Pendidikan 1961 dan "Accounts & Audit Rules 1962"

Belanjawan di peringkat sekolah ialah satu aspek perancangan pendidikan bagi membiayai perkhidmatan dan kelengkapan yang diperlukan oleh pihak sekolah dalam usaha menyediakan satu program pendidikan yang berkesan dan efektif. (Zaidatol Akmaliah, 1990:44). Peruntukan pendidikan bagi sekolah diberikan melalui tuntutan yang dibuat sebanyak dua kali. Ini adalah berdasarkan peraturan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1990. Kadar tuntutan itu adalah seperti berikut.

**Jadual 1.0 : Pemberian Bantuan Per Kapita Untuk Sekolah-Sekolah.**

Tuntutan	Asas tuntutan (bilangan murid pada)	Peratus Tuntutan/ Pemberian (%)
Pertama	1 Oktober tahun sebelumnya.	50
Kedua	1 Julai tahun semasa	50

**(Surat Pekeliling Kewangan Bil. 12 Tahun 1998: Pemberian Bantuan Per Kapita Untuk Sekolah-Sekolah : 3)**

Asas tuntutan adalah berdasarkan bilangan murid pada tarikh-tarikh yang dinyatakan di bawah kecuali dalam soal bantuan perpustakaan yang tuntutannya hendaklah berdasarkan bilangan murid pada 1 Oktober sahaja. Tuntutan tambahan pemberian bantuan tidak akan diberi bagi tambahan bilangan murid selepas dari tarikh yang ditetapkan bagi asas tuntutan. Tuntutan pemberian bantuan yang tidak dibuat pada sesuatu tahun berkenaan adalah luput dan tidak boleh dituntut pada tahun berikutnya.  
(Bahagian Kewangan Kementerian, Pendidikan Malaysia, 1994 : 4)

Semua urusan pentadbiran, pengurusan, kewangan, keputusan, dan dasar pendidikan dikawal oleh Kementerian Pendidikan yang bertindak sebagai badan yang tertinggi dalam sistem pusat ini(Mok, 1988). Tujuan pentadbiran berpusat ini adalah untuk menjadikan pentadbiran kewangan dapat dijalankan dengan lebih teratur, kemas dan sempurna. Menurut Zaidatol Akmaliah (1991), pengetua selaku pentadbir sekolah bertanggungjawab penuh untuk merancang, mengurus, mengawal serta menentukan kewangan sekolah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pengetua juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tidak ada sebarang penyelewengan berlaku di dalam pengurusan kewangan sekolah.

Peruntukan pendidikan untuk sekolah boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama ialah geran-geran yang dikawal oleh Jabatan Pendidikan seperti gaji, perjalanan dan pengangkutan guru dan kakitangan, guru-guru tambahan, pengangkutan murid-murid, sewa, pengajaran bahasa yang diluluskan, alat gantian sekolah yang diberi dalam bentuk pemberian dan bantuan. Di antara pemberian kerajaan yang diperuntukkan kepada sekolah ialah Pemberian Bantuan Perkapita. Pemberian ini mengandungi Bantuan Mata Pelajaran dan Bantuan Bukan Mata Pelajaran.(Mohamed bin Mahmod, 1997 : 3).

Kumpulan Wang SUWA pula ialah dari kutipan seperti yuran khas daripada murid-murid, derma daripada orang ramai, sewaan harta sekolah, jualan daripada kedai buku sekolah, yuran peperiksaan dalaman dan pelbagai hasil jualan daripada projek-projek sekolah. (Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994 : 27)

Dengan peruntukan tersebut, pengetua selaku pengurus kewangan sekolah perlu merancang pembiayaan sekolah dengan teratur dan rapi agar tidak berlaku pembaziran dan penyelewengan, seterusnya pegawai kewangan sekolah tidak perlu dikehendaki dalam bentuk sistem perakuanan untuk memastikan segala peruntukan dan pungutan kewangan dibelanjakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. (Shahril Marzuki, 1999 : 2)

Mengikut, Zaidatol Akmaliah, (1991), Hussein Mahmud (1993), Shahril Marzuki(1994), dan Persatuan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia, Cawangan Selangor, tugas seorang pengetua/gurubesar sebagai pentadbir kewangan sekolah adalah seperti berikut.

- a) Menyediakan anggaran belanjawan sekolah setiap tahun.
- b) Mengurus tuntutan pembayaran perkapita dan peruntukan lain.
- c) Menentukan segala kutipan yuran dan suwa serta lain-lain sumber pendapatan dibuat dengan sempurna.
- d) Mengurus segala perbelanjaan dan pembayaran.
- e) Mengurus dan Menyempurnakan urusan pembayaran gaji.
- f) Mengurus dan meyelenggara Buku Tunai Akaun Dana Kerajaan, Akaun SUWA (Sumber Wang Awam) dan Akaun Asrama (jika ada) dan panjar wang runcit.
- g) Menyempurnakan segala persediaan untuk audit akaun sekolah.
- h) Menentukan Buku Stok diselenggara dengan kemas kini.

- i) Menentukan tatacara hapuskan stok dibuat dengan sempurna.
- j) Memperakukan segala tuntutan perjalanan, peperiksaan, elauan lebih masa dan wang runcit.
- k) Menjadi Pengerusi Tender atau Sebutharga sekolah
- l) Menjadi Setiausaha Lembaga Kewangan dan Lembaga Pengerusi Sekolah.
- m) Berikhtiar mendapatkan punca-punca kewangan sekolah.
- n) Pengurusan setiap jenis dana yang ada di sekolah termasuk tatacara dan proses pungutan wang, pembelian dan pembayaran.
- p) Penyelenggaraan buku-buku akaun
- q) Penyelenggaran dan tatacara menyimpan stok atau alatan untuk pusat pejabat, makmal, bengkel dan lain-lain.
- r) Pengurusan kewangan di kedai buku, kedai koperasi sekolah dan tender kantin.
- s) Keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh juruaudit akaun sekolah.

Untuk menguruskan semua peruntukan kewangan yang telah disebutkan, pengetua harus menuBUHKAN sebuah jawatankuasa pengurusan kewangan sekolah yang biasanya dipengerusikan oleh pengetua/gurubesar, dibantu oleh penolong kanan 1 dan seorang pembantu tadbir (Bahagian Kewangan). Jawatankuasa ini juga boleh dianggotai oleh Penolong Kanan HEM, Penyelia Petang, Guru-guru Kanan Mata Pelajaran dan Guru Audit Sekolah.(Persatuan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia Cawangan Selangor, 1996 : 18).

Sungguhpun demikian, seseorang pengetua/gurubesar tidak harus menyerahkan tugas pengurusan kewangan sekolah kepada GPK 1 atau pun kepada kerani kewangan.

Tugas ini harus dipikul bersama oleh Pengetua dan GPK 1. Zaidatol Akmaliah menggariskan tiga objektif untuk pentadbiran kewangan sekolah. Pertama, untuk mengadakan kawalan-kawalan terhadap amalan yang lebih ketat ke atas pungutan dan perbelanjaan yang dilakukan oleh sekolah dengan cara teratur supaya tidak berlaku kesilapan dan kehilangan. Kedua ialah untuk memudahkan perlaksanaan tugas pengetua terhadap perakaunan kewangan sekolah. Ketiga ialah untuk mengetahui kedudukan sebenar perakaunan dan kewangan sekolah. (Zaidatol Akmaliah, 1990 : 47).

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Pengurusan kewangan sekolah merupakan satu aspek yang penting dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Ini adalah kerana kecekapan seseorang gurubesar amat penting bukan sahaja dari segi menguruskan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan, malahan dari segi kreativiti untuk menambahkan sumber pendapatan sekolah. Sekolah yang baik pengurusan kewangannya dan banyak sumber pendapatannya akan dapat diuruskan dengan lebih berkesan.

Dalam kes sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, terdapat perbezaan yang jelas dari segi pencapaian sekolah bukan sahaja dari segi akademik, malah dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal yang penting untuk perjalanan pembelajaran yang berkesan. Kemudahan fizikal yang dimaksudkan ialah dari segi tempat pembelajaran yang selesa. Wang yang banyak juga diperlukan untuk membeli alat-alat bantu mengajar yang baik.

Pengkaji percaya, tentu ada suatu perbezaan yang seharusnya dapat menerangkan tentang perbezaan pencapaian sekolah jenis Tamil dan sekolah jenis Cina ini dari segi punca kewangan mereka. Pengkaji telah memilih SRJK (C) San Yuk ini di Rawang,

oleh kerana sekolah ini agak besar dari segi bilangan pelajarnya dan mempunyai satu tanggapan yang baik di mata masyarakat. Seterusnya pengkaji telah memilih SRJK (T) Rawang, pula juga atas sebab yang sama. Sekolah ini adalah antara sekolah Tamil yang baik jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah Tamil yang lain di daerah Rawang ini.

Sungguhpun, kedua-dua sekolah ini mempunyai imej yang baik di mata masyarakat, namun dari segi bangunan dan prasarana, kedua-duanya mempunyai perbezaan yang ketara. Oleh itu pengkaji ingin melihat apakah ciri yang membawa kepada perbezaan tersebut dari aspek kewangan.

Selain dari itu, pengkaji juga ingin melihat samada peruntukan yang diterima dari kerajaan, iaitu Bantuan Per Kapita yang meliputi bantuan mata pelajaran dan LPBT/LPK samada mencukupi atau tidak bagi menampung perbelanjaan sekolah-sekolah tersebut. Ini adalah kerana antara masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakkan pengetua dalam pengurusan kewangan sekolah ialah pemberian peruntukan kewangan daripada kerajaan untuk mata pelajaran dan LPBT atau LPK adalah tidak mencukupi untuk membayar bil-bil elektrik, air, telefon, pengangkutan pelajar, percetakan, membeli bahan dan bekalan sekolah, dan membeli alatan bantu mengajar. Ini disebabkan harga barang dan perkhidmatan telah naik pada tiap tahun, sedangkan peruntukan dan pemberian kerajaan adalah nilainya tetap setiap tahun.(Shahril, 1993; Mohamed Mahmood, 1997)

Begitu juga daripada kutipan wang SUWA, didapati di kebanyakkan sekolah tidak mencukupi misalnya kebanyakkan kutipan yuran peperiksaan dalaman, yuran perpustakaan, yuran sukan/permainan adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang berkenaan. Oleh itu kebanyakkan pengetua akan menggunakan kutipan sewa kantin atau kedai buku bagi menampung tambahan perbelanjaan peperiksaan dalaman, perpustakaan dan sukan/permainan.(Loo, 1999)

Kutipan yuran khas sekolah merupakan salah satu masalah utama yang dihadapi oleh pengetua dalam pengurusan kewangan sekolah. Masalah ini timbul disebabkan oleh kerana kemiskinan ibubapa pelajar dan beban ibu bapa yang mempunyai ramai anak bersekolah merupakan faktor penghalang kepada keupayaan ibu bapa untuk membayar yuran khas ini. (Mohamed Mahmood, 1997 dan Loo, 1999).

## 1.2 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk melihat perbezaan dari segi sumber-sumber kewangan bagi sekolah-sekolah SRJK ( C ) dan SRJK ( T ). Walau pun kedua-dua jenis sekolah ini mendapat bantuan kerajaan mengikut perkiraan yang sama iaitu berdasarkan bilangan murid, namun didapati sekolah-sekolah Tamil jauh ketinggalan dari segi kelengkapan prasarana yang diperlukan untuk pendidikan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti punca kewangan sekolah dari segi peruntukan kerajaan. Ini termasuklah punca-punca kewangan kerajaan dan punca lain.

Seterusnya pengkaji ingin melihat bagaimanakah gurubesar SRJK ( C ) dan gurubesar SRJK ( T ) mengutip hasil dan membelanjakan sumber kewangan tersebut. Akhir sekali kajian ini juga bertujuan untuk melihat apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh gurubesar SRJK ( C ) dan SRJK ( T ) dalam menguruskan segala sumber kewangan tersebut. Soalan-soalan yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini ialah seperti berikut. (Majidah bt Hashim, 1997)

1. Apakah punca-punca kewangan bagi dari segi peruntukan kerajaan, bagi sekolah-sekolah ini?
2. Apakah punca-punca kewangan dari sumber-sumber lain bagi sekolah-sekolah ini?

3. Bagaimanakah gurubesar sekolah mengutip hasil dan membelanjakan sumber kewangan tersebut?
4. Bagaimanakah punca kewangan dan perbelanjaannya direkodkan?
5. Apakah dasar yang digunakan oleh gurubesar dalam menguruskan kewangan sekolah?
6. Bagaimanakah buku akaun kerajaan diuruskan?
7. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah?

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini diharapkan akan berguna kepada pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Pendidikan Negeri, Institut Aminuddin Baki dan Pejabat Pendidikan Daerah. Hasil kajian ini diharapkan akan dapat melihat kekuatan dan kelemahan gurubesar sekolah Cina dan Tamil dalam pengurusan kewangan sekolah.

Penyelidikan ini juga diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada gurubesar-gurubesar sekolah Tamil khususnya untuk mencontohi pengurusan sekolah Cina dalam mempelbagaikan sumber-sumber kewangan mereka untuk memajukan lagi prasarana sekolah Tamil yang sememangnya kebanyakannya dikenali sebagai daif. Gurubesar sekolah Tamil tidak lagi semata-mata bergantung kepada peruntukan kerajaan tanpa usaha lain. Mereka harus berusaha untuk menambahkan sumber kewangan sekolah Tamil melalui daya usaha mereka sendiri.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi maklumat kepada Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri. Antaranya ialah samada wang yang diagihkan SRJK (C) dan SRJK (T) ini mencukupi atau tidak.

Penyelidikan ini diharap akan dijadikan asas bagi kajian mengenai pengurusan kewangan sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Lebih banyak kajian yang sama ke atas sekolah-sekolah ini, terutamanya ke atas sekolah Tamil diharap dapat mengenalpasti keadaan sebenar di sekolah-sekolah tersebut.

#### **1.4 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya meliputi sebuah SRJK (C) dan sebuah SRJK (T) sahaja. Sekolah-sekolah tersebut ialah SRJK (C) SAN YUK, 48000 RAWANG dan SRJK (T) 48000 RAWANG. Kedua-dua sekolah ini terletak di daerah Gombak, Selangor.

#### **1.5 Pengistilahan**

##### **1.5.1 Guru Besar**

Guru Besar adalah pegawai kerajaan yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan secara rasmi dan merupakan ketua eksekutif dan pemimpin sekolah. Guru besar bertanggungjawab dalam hal-hal pengurusan, pentadbiran dan kewangan sekolah.

Sebagai seorang pengurus sekolah, pengetua/gurubesar telah dipertanggungjawabkan oleh Akta Pendidikan untuk melaporkan segala urus niaga kewangan sekolah dalam bentuk yang telah ditetapkan.

##### **1.5.2 Guru Penolong Kanan 1**

Guru Penolong Kanan 1 atau GPK 1 adalah orang yang paling kanan di dalam pentadbiran sekolah selepas gurubesar. Beliau bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas gurubesar semasa ketiadaan gurubesar. Dalam aspek pengurusan kewangan pula, GPK 1 mempunyai tugas-tugas seperti Membantu menyediakan penyata kewangan untuk

urusan audit tahunan. GPK 1 juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua jenis kutipan yuran. Selain dari itu, GPK 1 juga harus menjaga dan menyemak stok/inventori peralatan sekolah di samping menjadi penandatangan cek bagi kedua-dua akaun iaitu Akaun Kumpulan Wang Kerajaan dan Akaun Kumpulan Wang SUWA.

### **1.5.3 PIBG**

PIBG atau Persatuan IbuBapa dan Guru adalah satu pertubuhan yang wujud di semua sekolah di Malaysia. PIBG memainkan peranan penting dalam memberikan sumbangan bukan sahaja dalam bentuk menyediakan prasarana sekolah, malah juga dalam membantu menambahkan sumber kewangan sekolah.

Contohnya bagi pelajar-pelajar yang tidak mampu membayar yuran, maka PIBG akan menampung pembayaran tersebut.

### **1.5.4 Belanjawan Sekolah**

‘Budget’ atau belanjawan sekolah bolehlah diertikan sebagai pelan perbelanjaan yang melibatkan 4 elemen. Pertama ialah perancangan, keduanya ialah penerimaan peruntukan, ketiga ialah perbelanjaan dan keempat ialah penilaian keputusan. (Percy E. Burrup, Verb BrimleyJr, Rulon R. Garfield, 1996 : 292) Belanjawan yang dibuat di sekolah-sekolah adalah bertujuan untuk melaksanakan beberapa fungsi utama seperti berikut. Ianya akan mencadangkan program dan projek sekolah bagi tahun fiskal yang berikutnya. Selain dari itu ia juga akan menunjukkan sumber kewangan, perbelanjaan dan peruntukan untuk pentadbiran.

Belanjawan sekolah juga akan memaklumkan umum mengenai program-program yang telah dirancang untuk sekolah tersebut di samping memberikan panduan

penilaian mengenai program setahun dan membuat perbandingan mengenai program tahun sebelumnya. Akhir sekali belanjawan juga berfungsi untuk memberikan motivasi untuk perancangan yang lebih berhati-hati dan perbelanjaan yang baik. (Percy E. Burrup, Verb BrimleyJr, Rulon R. Garfield, 1996 : 292)